

30/01/2003

Dr Mahathir sampai amanat khas

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan memberi amanat khas kepada pemimpin Umno bahagian dalam satu perhimpunan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini pada 13 Februari ini.

Dalam ucapannya, Presiden Umno itu akan turut menjelaskan isu semasa dalam dan luar negara, termasuk berkaitan dasar tertentu kerajaan, seperti sekolah agama rakyat (SAR).

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri Umno peringkat bahagian akan turut menghadiri pertemuan dengan Perdana Menteri itu.

"Ini adalah pertemuan kali pertama seumpama itu diadakan tahun ini dan banyak isu yang akan dibincangkan. Majlis diadakan pada petang, manakala malamnya diadakan majlis mengenang jasa Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj.

"Majlis ini lebih berbentuk acara tahlil dan bacaan yasin, diikuti jamuan di PWTC. Mungkin Perdana Menteri akan memberi ucapan sebagai mengingati jasa pejuang bangsa dan bapa kemerdekaan itu," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat pengurusan Umno, di sini semalam.

Ditanya sama ada perhimpunan itu sebagai isyarat kemungkinan pilihan raya umum akan diadakan, Timbalan Presiden Umno berkata ia tiada kaitan dengan sebarang petunjuk.

Katanya, pertemuan pemimpin Umno bahagian dengan Dr Mahathir tepat pada masanya kerana banyak isu perlu penjelasan lanjut.

"Saya rasa ahli parti harus diberi taklimat kedudukan kerajaan, kepimpinan parti dan mungkin Perdana Menteri ingin memberi mesej atau arahan tertentu di segi bagaimana kita harus menjalankan kerja untuk tahun ini.

Mengenai mesyuarat itu, Abdullah berkata antara lain, ia membincangkan kemajuan jentera parti peringkat cawangan dan bahagian, termasuk kegiatan penerangan berkaitan pilihan raya.

Katanya, jawatankuasa pengurusan juga mempertimbangkan permohonan bagi penubuhan 39 cawangan baru di seluruh negara untuk diluluskan oleh mesyuarat Majlis Tertinggi Umno esok.